

28 OCT 2003

Terengganu-Hudud

KERAJAAN PAS TERENGGANU TETAP LAKSANA HUDUD

KUALA TERENGGANU, 28 Okt (Bernama) -- Kerajaan Negeri Terengganu akan tetap melaksanakan Enakmen Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) walaupun berdepan dengan tindakan undang-undang oleh kerajaan pusat.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Dakwah dan Pelaksanaan Syariah Negeri, Datuk Harun Taib berkata penguatkuasaan enakmen itu perlu diteruskan kerana ia terletak di bawah tanggungjawab kerajaan negeri, yang dipimpin oleh PAS.

"Sekiranya ada pandangan lain terhadap undang-undang ini, terpulang kepada mereka. Kita nak tahu juga kenapa mereka mahu mengambil tindakan undang-undang," katanya mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan akan mengambil tindakan terhadap kerajaan negeri Terengganu sekiranya ia menyalahi undang-undang negara dalam menguatkuasa enakmen itu.

Perdana Menteri berkata kerajaan negeri boleh melaksanakan enakmen itu tetapi kerajaan Pusat tidak akan berdiam diri sekiranya undang-undang itu, yang mula diwartakan semalam, bercanggah dengan perundangan negara.

Harun berkata enakmen yang diluluskan di Dewan Undangan Negeri pada Julai tahun lepas itu, akan dilaksanakan mengikut apa yang telah dirancang.

"Jika tiada apa-apa halangan, pelaksanaannya akan berjalan seperti yang dirancang. Jika Umno memerintah (Terengganu) selepas ini, mereka juga boleh teruskan," katanya.

Beliau juga meminta mana-mana pihak supaya menjelaskan secara terperinci apa yang dikatakan bahawa undang-undang itu zalim.

-- BERNAMA

IB ERE RHM